

BAHASA MELAYU

Soalan Lazim Fungsi MySejahtera Trace (MySJ Trace)

Soalan umum

1. Apakah itu MySJ Trace?

MySJ Trace merupakan salah satu fungsi mudah alih pengesanan kontak (*contact tracing*) yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia. Ia menggunakan pendekatan “dorongan masyarakat” (*community driven*) di mana telefon bimbit pengguna akan saling bertukar maklumat apabila berada dalam jarak tertentu. MySJ Trace membolehkan identifikasi individu yang pernah berada berdekatan dengan individu yang telah dijangkiti COVID-19.

2. Apakah perbezaan antara aplikasi MySJ Trace dan MySejahtera?

MySJ Trace merupakan salah satu fungsi dalam aplikasi MySejahtera. Aplikasi ini diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membantu pengawalan penularan wabak COVID-19. MySejahtera membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri dan membantu KKM mendapatkan maklumat awal untuk tindakan cepat dan berkesan. Manakala, MySJ Trace menjadi pelengkap kepada aplikasi MySejahtera untuk membuat pengesanan kontak dan mengenalpasti individu yang pernah ada kontak rapat dengan pesakit yang telah disahkan positif COVID-19.

3. Siapakah peneraju MySJ Trace?

MySJ Trace dibangunkan melalui kerjasama strategik Agensi Kerajaan Malaysia: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan *Malaysian Institute of Microelectronic Systems* (MIMOS).

4. Siapakah pengguna MySJ Trace?

Rakyat Malaysia dan semua warga asing yang menetap di Malaysia.

5. Bagaimanakah saya boleh muat turun MySJ Trace?

Pengguna hanya perlu mengemaskini aplikasi MySejahtera kepada versi yang terkini.

6. Bagaimanakah MySJ Trace berfungsi?

Aplikasi ini membolehkan telefon bimbit yang berdekatan saling berkongsi beberapa data menggunakan teknologi *Bluetooth*. Data yang terkumpul akan disimpan dalam bentuk yang hanya boleh diproses oleh pihak KKM. Apabila seseorang pengguna disahkan positif COVID-19, pengguna itu akan melakukan proses memuat naik data yang terkumpul daripada telefon bimbit pengguna ke satu pangkalan data yang dikawal oleh KKM.

7. Apakah itu pengesanan kontak (*contact tracing*)?

Pengesanan kontak (*contact tracing*) ialah proses identifikasi individu-individu yang berkemungkinan telah berada dalam jarak yang berdekatan dengan individu yang telah dikenalpasti positif COVID-19. Ia membolehkan pihak KKM mengesan dan menghubungi individu-individu tersebut sekaligus merancang tindakan seterusnya.

8. Sekiranya saya dikenalpasti sebagai kontak rapat pesakit COVID-19, bagaimanakah saya akan dihubungi?

Pengguna akan menerima notifikasi dan SMS di aplikasi MySejahtera.

9. Data apakah yang dikumpul oleh MySJ Trace?

Data yang dikumpul ialah *Unique User ID* (UUID) yang dihasilkan oleh aplikasi ini, versi pengoperasian sistem (Android atau iOS), waktu pertemuan dan maklumat *Received Signal Strength Indicator* (RSSI).

10. Adakah maklumat peribadi saya yang dikongsi dalam aplikasi ini selamat?

MySejahtera & MySJ Trace dimiliki dan dikendali sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Kerajaan menjamin bahawa sebarang maklumat yang dikumpul dan digunakan akan mematuhi standard keselamatan maklumat Kerajaan Malaysia.

11. Adakah MySJ Trace memerlukan sambungan Internet selepas pemasangan?

Ya, sambungan internet diperlukan apabila anda mula mengaktifkan fungsi MySJ Trace dan semasa memuat naik data.

12. Apakah peranti (*device*) yang menyokong fungsi MySJ Trace?

Fungsi ini disokong oleh peranti telefon bimbit yang menggunakan perisian sistem Android versi 8 ke atas dan iOS versi 10 ke atas. Untuk peranti Android, MySJ Trace akan terus berfungsi samada dalam paparan aktif atau tidak aktif, sekiranya telefon telah disetkan ke mod senyap (*non-sleep*). Untuk peranti iOS, MySJ Trace perlu sentiasa berada pada paparan aktif dan peranti hendaklah dihidupkan sepanjang penggunaan aplikasi.

13. Adakah *Bluetooth* perlu diaktifkan pada setiap masa?

Ya. *Bluetooth* perlu diaktifkan pada setiap masa untuk MySJ Trace berfungsi dengan sepenuhnya.

14. Adakah penggunaan *Bluetooth* akan menyebabkan penggunaan bateri yang tinggi?

Pengaktifan *Bluetooth* melalui aplikasi ini pada telefon bimbit hanya menggunakan kuasa bateri yang rendah kerana penghantaran data adalah secara berkala tidak seperti penggunaan *Bluetooth* yang berterusan seperti '*music streaming*'.

15. Adakah aplikasi ini akan menggunakan tenaga bateri yang maksima sekiranya MySJ Trace dibiarkan berjalan setiap masa?

MySJ Trace mempunyai ciri *Bluetooth* Kuasa Rendah (*Bluetooth Low Energy* (BLE)) yang menggunakan tenaga bateri secara minima. Oleh itu, aplikasi ini tidak akan menggunakan tenaga bateri telefon bimbit pengguna secara berlebihan untuk tujuan mengumpul informasi pengesanan kontak yang berterusan.

16. Apakah penggunaan *Bluetooth* dengan MySJ Trace akan menjejaskan aksesori *Bluetooth* yang lain?

MySJ Trace tidak akan menjejaskan penggunaan atau prestasi aksesori *Bluetooth* lain seperti pembesar suara tanpa wayar (*wireless speakers*), *wireless earpiece/headphones* dan jam pintar (*smartwatches*).

17. Mengapa saya perlu mengaktifkan kebenaran lokasi untuk perisian Android?

Perisian Android memerlukan kebenaran lokasi untuk membolehkan fungsi MySJ Trace menggunakan fungsi *Bluetooth*. Walau bagaimanapun, data geo lokasi tidak akan dikumpulkan. Untuk perisian iOS, hanya fungsi *Bluetooth* yang perlu diaktifkan.

ENGLISH

FAQ Frequently Asked Questions_MySejahtera Trace (MySJ Trace)

1. What is MySJ Trace?

MySJ Trace is a contact tracing application developed by the Government of Malaysia. MySJ Trace adopts a community-driven approach where participating devices exchange proximity information whenever an app detects another device with MySJ Trace app installed. This application allows the identification of people who were in close proximity to COVID-19 infected individual.

2. What is the difference between MySJ Trace and MySejahtera?

MySejahtera & MySJ Trace are used by the Ministry of Health (MOH) to help manage the COVID-19 pandemic in Malaysia. MySejahtera allows users to perform quick health-self assessment and for the Ministry of Health (MOH) to monitor users' health condition and take immediate actions in providing treatments. Meanwhile, MySJ Trace further complements MySejahtera by detecting and tracing the individuals who are in close contact with the COVID-19 positive patients.

3. Who developed MySJ Trace?

MySJ Trace is developed through a strategic cooperation between Government agencies of Malaysia: Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Ministry of Health (MOH), Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) and Malaysian Institute of Microelectronic Systems(MIMOS).

4. Who are the users of MySJ Trace?

Malaysians and residents of Malaysia.

5. Where can I download MySJ Trace app?

Users only need to update the MySejahtera application to the latest version.

6. How does MySJ Trace work?

MySJ Trace enables participating devices to exchange proximity information whenever the app detects another device with the same app installed. Data collected will be stored and processed only by the MOH officers. When a user is identified to be Covid19 positive, the user will initiate a process to upload the data from the user's smartphone to a secured database managed by the MOH.

7. What is contact tracing?

Contact tracing is an identification process of individuals who may have come into close contact with an infected Covid-19 patient. It enables the MOH to further trace and contact the individuals and organize a follow-up action.

8. If I have been in close proximity with a COVID-19 positive individual, how will I be contacted?

Users will receive a notification and SMS via MySejahtera App.

9. What data are collected?

The data collected are : the Unique User ID (UUID) created by this app, the version of the operating system (Android or IOS), the time of the encounter and the Relative Signal Strength Indicator (RSSI).

10. Is my personal information shared in this application secure?

MySejahtera & MySJ Trace - are owned and operated by the Government of Malaysia. The Government assures that the data collection and the data usage will be in accordance with the Government's information security standard.

11. Does MySJ Trace require Internet connection after installation?

Yes, internet connection is required when you first update the MySejahtera app and during data uploading process.

12. Which devices can MySJ Trace be installed?

MySJ Trace is supported by Android smartphone users running version 8 and above, as well as iOS running version 10 and above. For Android, the 'non sleep' mode must be set so that MySJ Trace will remain active in both the foreground and background modes. For iOS, the phone must be active at all times while the app needs to be in the foreground mode.

13. Do I need to keep the Bluetooth active all the time?

Yes. The Bluetooth needs to be turned on at all times for MySJ Trace to work properly.

14. Will keeping the Bluetooth at all the time drain the battery quickly?

Unlike using Bluetooth to stream music or to a wireless headphone continuously, MySJ Trace uses Bluetooth to only transmit its presence periodically. As such, it uses significantly lesser power.

15. Will MySJ Trace use the maximum battery power of the device if it is allowed to run at all times?

MySJ Trace uses a Bluetooth feature that uses minimal battery power (Bluetooth Low Energy (BLE)). Therefore, this application will not overuse the user's device's battery to collect persistent contact tracking information.

16. How will MySJ Trace affect other Bluetooth accessories?

MySJ Trace app will not affect the usage or performance of other Bluetooth accessories, such as wireless speakers, wireless earpiece/headphones and smartwatches.

17. Why do I need to enable location permission for Android devices?

Android requires the location permission to be granted in order for any app to access Bluetooth features. However, geolocation data will not be collected. For iOS, only the Bluetooth function that need to be enabled.